



23 JUN, 2026

PASARAN BURUH KIAN MENCABAR

Harian Metro, Malaysia



Oleh Sri Ayu
Kartika Amri
kartika@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Perubahan teknologi dan tekanan kos yang semakin meningkat dijangka terus memberi cabaran kepada pasaran pekerjaan negara apabila syarikat dalam beberapa sektor utama mengambil langkah menstruktur semula operasi bagi mengekalkan daya saing perniagaan.

Pensyarah Ekonomi Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor Kampus Segamat, Dr Juliana Mohamed Abdul Kadir berkata, jumlah 38,953 pekerja yang diberhentikan antara Januari hingga Mei tahun ini menunjukkan wujud tekanan dalam sektor tertentu, namun belum menggambarkan kemerosotan menyeluruh pasaran buruh negara.

Katanya, kadar pengangguran yang kekal sekitar tiga peratus masih mencerminkan pasaran buruh Malaysia berada dalam keadaan stabil dan berdaya tahan.

"Namun, apa yang kita lihat ketika ini lebih kepada pelarasan struktur dalam ekonomi, khususnya dalam sektor pembuatan, perdagangan borong dan runcit serta perkhidmatan pentadbiran yang sedang melalui proses penyesuaian operasi," katanya.

Menurutnya, situasi itu turut mencerminkan berlakunya pengangguran struktur apabila wujud ketidakpadanan antara kemahiran tenaga kerja dan keperluan industri semasa (skill mismatch).

Dari sudut domestik, beliau berkata tekanan kos operasi menjadi antara faktor utama yang mendorong syarikat mengurangkan tenaga kerja.

Katanya, peningkatan



PERKEMBANGAN teknologi seperti AI, automasi, robotik serta penggunaan platform e-dagang telah mengubah keperluan tenaga kerja, khususnya dalam sektor runcit dan pekerjaan rutin.

Bisnes

TEKNOLOGI UBAH LANDSKAP KERJAYA

PASARAN BURUH KIAN MENCABAR

kos seperti gaji minimum kepada RM1,700, kenaikan kos utiliti, sewaan premis serta bahan mentah memberi kesan langsung kepada keputusan perniagaan untuk menstruktur semula tenaga kerja.

"Dalam masa sama, peningkatan kos bahan api dan pelarasan harga diesel turut memberi kesan rantaian kepada kos logistik dan operasi syarikat," katanya.

Beliau turut menjelaskan perkembangan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), automasi, robotik serta penggunaan platform e-dagang telah mengubah keperluan tenaga kerja, khususnya dalam sektor runcit dan pekerjaan rutin.

Dari aspek global pula, Juliana berkata ketidakstabilan ekonomi dunia akibat konflik geopolitik, perang perdagangan dan kelemahan pertumbuhan ekonomi menjejaskan permintaan eksport Malaysia.

"Faktor luaran ini turut diburukkan dengan kenaikan harga makanan serta bahan mentah import yang memberi tekanan tambahan kepada kos pengeluaran domestik," katanya.

Mengulas kesan terhadap ekonomi pada separuh kedua 2026, beliau berkata pengurangan tenaga kerja berpotensi memperlambatkan pertumbuhan ekonomi negara akibat penurunan pendapatan isi rumah dan kelemahan permintaan pengguna.



23 JUN, 2026

PASARAN BURUH KIAN MENCABAR

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

TEKNOLOGI UBAH LANDSKAP KERJAYA operasi,” katanya. Menurutnya, situasi itu turut mencerminkan berlakunya pengangguran struktur apabila wujud ketidakpadanan antara kemahiran tenaga kerja dan keperluan industri semasa (skill mismatch). Dari sudut domestik, beliau berkata tekanan kos operasi menjadi antara faktor utama yang mendorong syarikat mengurangkan tenaga kerja. Katanya, peningkatan kos seperti gaji minimum kepada RM1,700, kenaikan kos utiliti, sewaan premis serta bahan mentah memberi kesan langsung kepada keputusan perniagaan untuk menstruktur semula tenaga kerja.